



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



DISEMBER 2023

LAPORAN STATISTIK **TENAGA BURUH**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA DISEMBER 2023

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari www.padu.gov.my bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720/ 1-800-88-7721
- ii) Aduan online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my ((pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 09 Februari 2024

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISSN 2735 - 1823

KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh digunakan sebagai input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi Disember 2023 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Februari 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v

Sorotan Utama	1
1. Pengenalan	2
2. Penduduk Bekerja	4
3. Pengangguran	6
4. Tenaga Buruh	7
5. Luar Tenaga Buruh	9
6. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran 2023 (Awalan)	9
7. Menuju ke Hadapan	10

Senarai Jadual

Jadual A	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2022	A-1
Jadual B	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Keempat 2023	A-2
Jadual B1	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2023	A-4
Jadual B2	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2023	A-5
Jadual B3	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2023	A-6
Jadual C	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2023	A-7
Jadual C1	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan musim, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2023	A-11
Jadual C2	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Disember 2023	A-15
Jadual C3	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Disember 2023	A-17
Jadual C4	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - Disember 2023	A-19
Jadual D	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	A-21
Jadual E	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2022	A-22
Jadual F	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2022	A-24
Jadual G	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Disember 2022 - Disember 2023	A-25

GLOSARI

- Aktiviti ekonomi : Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
- Bekerja : Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
- Bekerja sendiri : Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran : Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa : Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
- Kadar pengangguran : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
- Kadar penyertaan tenaga buruh : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
- Kategori kemahiran : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

Pekerja mahir:

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan professional bersekutu.

Pekerja separuh mahir:

4. Pekerja sokongan pengkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.

Pekerja berkemahiran rendah:

9. Pekerjaan asas.

GLOSARI

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan tentera.

- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
- Pekerja : Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
- Pekerja keluarga tanpa gaji : Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
- Penganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Penganggur aktif : Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
- Penganggur tidak aktif : Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
- Tenaga buruh : Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

AKRONIM

ASEAN	:	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
B40	:	Pendapatan isi rumah kumpulan bawah 40%
FDI	:	Pelaburan Langsung Asing
IMF	:	Tabung Kewangan Antarabangsa
KBS	:	Kementerian Belia dan Sukan
IP	:	Indeks Pelopor
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MADANI	:	Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan
M40	:	Pendapatan isi rumah kumpulan pertengahan 40%
NETR	:	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara
NIMP 2030	:	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
PERKESO	:	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PMKS	:	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
SIBS	:	Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor
STB	:	Survei Tenaga Buruh
YAB	:	Yang Amat Berhormat



TENAGA BURUH MALAYSIA, DISEMBER 2023

Bilangan penganggur terus menurun kepada 567.8 ribu orang pada Disember 2023, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus

KADAR PENGANGGURAN



Kadar pengangguran Disember kekal pada 3.3 peratus seperti yang direkodkan pada November 2023

PENGANGGUR



Pengangguran mengikut kategori
Penganggur aktif

79.9%

Nov. 2023
454.5 ribu
Dis. 2023
453.6 ribu

▼ 6.3% ▼ 0.2%

Penganggur tidak aktif

20.1%

Nov. 2023
114.7 ribu
Dis. 2023
114.2 ribu


▼ 1.1% ▼ 0.4%

- Peratus perubahan (tahun ke tahun) mp Mata peratus
- Peratus perubahan (bulan ke bulan) ↔ Tidak berubah

PENDUDUK BEKERJA



Penduduk bekerja mengikut
taraf pekerjaan




Jumlah penduduk bekerja pada Disember 2023 terutamanya adalah terdiri daripada kategori pekerja, iaitu sebanyak 75.2 peratus

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB)



KPTB yang lebih tinggi direkodkan pada Disember 2023 iaitu pada 70.2 peratus

KPTB mengikut jantina



TENAGA BURUH



Nov. 2023
17.00 juta ▲ 1.8% ▲ 0.1%

LUAR TENAGA BURUH

Sebab utama luar tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga Bersekolah/ latihan



Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



KONSEP DAN DEFINISI



Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaras kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

SOROTAN UTAMA

- Bilangan **penduduk bekerja** pada Disember 2023 terus menunjukkan pertumbuhan yang konsisten dan meningkat sebanyak **0.2 peratus (+26.6 ribu orang)**, mencecah jumlah sebanyak **16.46 juta orang** (November 2023: 16.43 juta orang). Pada Disember, **nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **67.8 peratus** seperti pada bulan sebelumnya (November 2023: 67.8%).
- Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama juga dilihat dalam bilangan penduduk bekerja bagi sektor Pembuatan, Pembinaan serta Perlombongan & pengkuarian pada bulan Disember 2023. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pertanian terus menurun pada bulan tersebut.
- Jumlah bilangan penduduk bekerja pada Disember 2023 terutamanya adalah terdiri daripada kategori **pekerja**, meliputi **75.2 peratus**. Kategori ini meningkat sebanyak **0.1 peratus (+12.3 ribu orang)** kepada **12.38 juta orang** (November 2023: 12.37 juta orang). Begitu juga, trend yang menaik turut dilihat dalam kategori **penduduk bekerja sendiri**, yang bertambah sebanyak **0.3 peratus (+9.5 ribu orang)** kepada **3.0 juta orang** (November 2023: 2.99 juta orang).
- Bilangan **penganggur** pada Disember 2023 terus berkurang, mencatatkan penurunan bulan ke bulan sebanyak **0.2 peratus (-1.4 ribu orang)** kepada **567.8 ribu orang** daripada 569.2 ribu orang pada bulan lalu. **Kadar pengangguran** pada bulan Disember kekal pada **3.3 peratus** seperti yang direkodkan pada November 2023.
- Bilangan **tenaga buruh** semakin meningkat pada Disember 2023, dengan pertambahan sebanyak **0.1 peratus (+25.1 ribu orang)** mencatatkan **17.03 juta orang** (November 2023: 17.0 juta orang). Oleh itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada **70.2 peratus** (November 2023: 70.1%).
- Bilangan **luar tenaga buruh** pada bulan tersebut mencatatkan penurunan sebanyak **1.1 ribu orang (-0.02%)** kepada **7.23 juta orang** (November 2023: 7.24 juta orang). Sebab utama luar tenaga buruh adalah berikutan **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** dengan **42.6 peratus**, diikuti oleh **bersekolah/ latihan (41.2%)**.
- Sejalan dengan prospek ekonomi Malaysia yang lebih baik pada 2024, disokong oleh peningkatan pelaburan langsung asing (FDI), pelancongan yang semakin meningkat, dan perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi, pasaran buruh negara akan turut mendapat impak positif. Peningkatan aktiviti pelancongan secara beransur-ansur akan mampu menjana aktiviti ekonomi dan mewujudkan kesan limpahan kepada sektor ekonomi lain yang berkaitan, sekali gus membuka lebih banyak peluang perniagaan serta mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan. Selain itu, susulan peralihan negara ke arah ekonomi yang lebih hijau, ianya akan mencipta peluang baharu untuk perniagaan berkembang maju. Oleh itu, akan wujud keperluan untuk membina kapasiti, seperti ketersediaan pekerja berkemahiran tinggi dan penggunaan teknologi canggih dalam proses pengeluaran. Justeru, lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi akan diwujudkan pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan ini. Selaras dengan itu, pasaran buruh negara juga dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang kukuh dan stabil pada bulan-bulan yang akan datang, selari dengan perkembangan ekonomi semasa dan kemajuan teknologi, walaupun berdepan cabaran global dan trend pasaran yang berubah-ubah.

1 KEDUDUKAN TENAGA BURUH TERUS BERKEMBANG PADA DISEMBER 2023, MENUNJUKKAN ASAS EKONOMI NEGARA YANG STABIL, DIDORONG OLEH PERTUMBUHAN BERTERUSAN DALAM EKONOMI DAN AKTIVITI SOSIAL, DIGAMBARAKAN OLEH TREND POSITIF GUNA TENAGA DAN PENGANGGURAN YANG RENDAH

Ketika dunia menelusuri ke penghujung tahun 2023, ekonomi global kekal kukuh walaupun berdepan cabaran inflasi yang berterusan. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyatakan dalam *The World Economic Outlook Update* (Januari 2024) bahawa ekonomi dunia diramalkan bertambah baik sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2023 dan meningkat kepada 3.1 peratus pada tahun 2024¹. Walau bagaimanapun, anggaran awalan ekonomi Malaysia pada suku keempat 2023 mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi iaitu sebanyak 3.4 peratus dan diunjurkan berkembang dalam lingkungan 4 peratus pada 2023, meskipun dalam persekitaran yang mencabar. Oleh itu, dengan perkembangan yang lebih baik pada tahun 2023 serta pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun bagi meningkatkan perniagaan dan peluang pekerjaan, pasaran buruh semakin baik pada tahun 2023.

Melihat kembali pada tahun 2023, ekonomi Malaysia terus mengekalkan prestasi yang lebih baik, yang membawa kepada kedudukan pasaran buruh yang berdaya tahan dengan bilangan penduduk bekerja yang lebih tinggi dan pengangguran yang lebih rendah pada awal bulan 2023. Oleh itu, pemulihan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil telah membuka pelbagai prospek dan menarik minat tenaga buruh untuk terlibat dalam pasaran. Justeru, keperluan bagi permintaan buruh yang disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih tinggi telah meningkat bagi memenuhi keperluan industri.

Pada Mac 2023, kedudukan ekonomi yang optimis dapat dilihat apabila pelancongan semakin bertambah dan lebih ramai orang melancong ke luar negara. Selari dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa, Malaysia mengalami peningkatan dalam ketibaan pelancong, aktiviti perdagangan dan komersial, yang telah membawa kepada peningkatan yang menggalakkan, khususnya dalam sektor Perkhidmatan. Oleh itu, peningkatan kemasukan pelancong ke Malaysia telah menyumbang kepada pengembangan usahawan Malaysia serta peluang pekerjaan. Justeru, situasi ini telah membawa kepada bilangan guna tenaga yang lebih tinggi dan pengangguran yang rendah direkodkan pada bulan tersebut.

Dalam pada itu, sambutan bagi Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri pada April 2023 turut membantu ekonomi apabila lebih banyak bazar dibuka. Operasi bazar Ramadan dan Aidilfitri telah memberi banyak peluang, terutamanya kepada perniagaan baharu dan memperluaskan perniagaan yang sedia ada. Oleh itu, lebih ramai peniaga kecil mengambil peluang ini untuk menambah pendapatan bagi menampung kehidupan mereka. Susulan aktiviti ekonomi terus berkembang secara sederhana pada bulan tersebut, pasaran buruh kekal stabil pada April 2023, dengan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja serta pengangguran yang terus menurun. Selain itu, aktiviti ekonomi negara dapat dilihat terus beroperasi pada kadar yang lebih menggalakkan, yang membolehkan aktiviti perniagaan untuk terus berkembang dan diperluaskan kepada pelbagai peluang pekerjaan pada Mei 2023. Oleh itu, tenaga buruh terus mencatatkan pertumbuhan yang stabil pada bulan tersebut.

Pada separuh tahun 2023, pasaran buruh terus menunjukkan trend positif, dicerminkan oleh pertumbuhan ekonomi negara yang stabil. Malaysia telah berjaya menarik FDI setiap tahun, dengan trend yang semakin meningkat berikutan ketersediaan infrastruktur yang baik kepada syarikat multinasional yang menilai kecekapan dan kebolehpercayaan, seperti tenaga buruh mahir dan kerajaan perpaduan yang stabil. FDI pada suku pertama 2023 telah melaporkan pertumbuhan sebanyak 52.5 peratus tahun ke tahun dengan nilai RM37 bilion berbanding RM28 bilion pada tahun 2022².

¹ <https://www.imf.org/en/Publications/WEO>

² <https://www.buletintv3.my/detik-niaga/malaysia-mampu-tarik-pelaburan-walaupun-ringgit-tidak-menentu/>

Beralih ke bulan Julai hingga September 2023, pelbagai perayaan dan sambutan yang melibatkan lebih banyak cuti umum dan cuti persekolahan, termasuk sambutan Aidiladha pada bulan Julai, sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia pada bulan Ogos, diikuti dengan Hari Malaysia pada bulan September 2023. Justeru, negara menjadi tumpuan pelancong asing dan domestik untuk berbelanja di negara ini serta membawa kepada prestasi positif dalam perdagangan Malaysia. Selain itu, kepercayaan yang diberikan oleh pelabur global di Malaysia telah menyokong kerajaan dalam menyediakan pelbagai peluang bagi sektor korporat, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), dan menambah baik pasaran buruh di Malaysia merentasi pelbagai industri, serta merangsang aktiviti ekonomi dan permintaan domestik. Tambahan pula, pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menambah baik pasaran buruh. Sebagai contoh, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) untuk mentransformasikan sektor perindustrian menjelang 2030 pada 1 September 2023, dengan anggaran pelaburan sebanyak RM95 bilion, terutamanya daripada sektor swasta³. Ini dilihat akan dapat menggerakkan negara ke arah aktiviti bernilai tinggi dan peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi. Di samping itu, usaha kerajaan untuk meningkatkan tenaga buruh, seperti yang telah digariskan dalam polisi berdasarkan kerangka Ekonomi MADANI, termasuk inisiatif seperti pameran kerjaya. Usahasama antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan pelbagai agensi lain, termasuk sektor awam, sektor swasta dan syarikat multinasional, bertujuan untuk menyediakan maklumat pencarian kerja yang bernilai kepada orang ramai. Selain itu, program ini berfungsi sebagai platform bagi majikan untuk mengenal pasti dan berhubung dengan kumpulan pekerja berpotensi dan berbakat.

Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah memperkenalkan program asrama penginapan pada kadar RM10 sehari kepada golongan belia dan pencari kerja di kawasan bandar. Inisiatif ini disasarkan kepada mereka yang berumur 18 hingga 40 tahun yang sedang mencari latihan industri, aktif mencari pekerjaan, atau yang telah bekerja. Program ini dijangka akan menggalakkan lebih ramai golongan muda, terutamanya dari luar bandar untuk mencari pekerjaan di kawasan bandar⁴. Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan platform terbaik untuk pencari kerja dan profesional untuk meneroka peluang kerjaya baharu malah mempamerkan komitmen Malaysia untuk memupuk tenaga kerja yang mahir dan dinamik. Pendekatan proaktif ini dijangka membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada belia dan orang ramai dalam pasaran buruh. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh negara pada September 2023 kekal dalam aliran pertumbuhan positif dengan peningkatan kecil dalam bilangan penduduk bekerja, manakala pengangguran terus berkurangan sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa.

Pada Oktober dan November 2023, tenaga buruh negara menunjukkan isyarat yang meyakinkan walau pun berdepan cabaran geopolitik global, termasuk boikot yang meluas dan pendirian global yang bersatu menentang produk utama tertentu. Gerakan ini mungkin menjejaskan landskap ekonomi Malaysia, terutamanya memberi kesan kepada pelaksanaan perusahaan francais terkemuka dan menimbulkan kebimbangan mengenai potensi kehilangan pekerjaan dan isu pengangguran. Walau bagaimanapun, Menteri Kementerian Sumber Manusia telah mengesahkan bahawa setakat ini, tiada kes pemberhentian pekerja susulan daripada gerakan boikot yang dilaporkan. Di sebalik cabaran ini, perniagaan tempatan mempunyai peluang untuk berkembang maju. Sebagai contoh, pameran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 menyediakan platform kepada usahawan tempatan untuk meneroka pasaran yang lebih besar, khususnya di rantau ASEAN, merangsang pertumbuhan dan peluang pendapatan yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara⁵. Selain itu, Untuk menangani kebimbangan pasaran buruh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM99.7 bilion dalam Bajet 2023 untuk merangsang keseluruhan ekosistem tenaga kerja, termasuk RM18.6 bilion khusus untuk program pemerksaan bagi golongan B40, M40, wanita, dan belia. Di samping itu, pelaksanaan inisiatif karnival kerjaya telah mengoptimalkan penggunaan tenaga kerja

³ <https://www.nst.com.my/property/2023/10/967564/new-industrial-master-plan-2030-will-drive-industrial-demand-malaysia>

⁴ <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kbs-launches-rm10-day-hostel-youths-job-seekers-437236>

⁵ <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sibs-2023-peluang-usahawan-tempatan-teroka-pasaran-asean-442676>

dan mengurangkan kadar pengangguran. Usaha yang gigih telah membawa kepada peningkatan positif dalam pasaran buruh.

Bagi bulan terakhir 2023, peningkatan berterusan dalam pasaran buruh kekal berikutan normalisasi aktiviti ekonomi sepanjang tahun. Kedudukan tenaga buruh yang kukuh terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang stabil, peningkatan aktiviti pelancongan, pelaksanaan projek infrastruktur, aliran FDI yang berterusan dan potensi pemulihan dalam perdagangan luar yang mungkin membantu mengekalkan peluang pekerjaan. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh terus berkembang pada Disember 2023, menunjukkan asas ekonomi negara yang stabil, didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam aktiviti ekonomi dan sosial, digambarkan oleh trend positif guna tenaga dan pengangguran yang lebih rendah.

Bagi Indeks Pelapor (IP) pada November 2023, ianya merekodkan penurunan sebanyak 0.2 peratus kepada 109.8 mata berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (November 2022: 110.0 mata). Secara bulanan, IP meningkat semula sebanyak 0.5 peratus pada bulan tersebut, berbanding negatif 0.1 peratus pada Oktober 2023. Kadar pertumbuhan terlicin IP bagi November 2023 kekal di bawah trend 100.0 mata, menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan yang sederhana, disokong oleh prestasi berdaya tahan industri berorientasikan domestik, walaupun terus berdepan dengan ketidakpastian pasaran antarabangsa. Sementara itu, indikator perdagangan luar negeri bulanan bagi eksport dan import pada Disember 2023 kedua-duanya mencatatkan pertumbuhan masing-masing negatif 2.7 peratus (November 2023: -3.5%) dan negatif 2.6 peratus (November 2023: -3.3%).


2 Bilangan penduduk bekerja menunjukkan pertumbuhan konsisten

Bilangan **penduduk bekerja** pada Disember 2023 terus menunjukkan pertumbuhan yang konsisten dan meningkat sebanyak **0.2 peratus (+26.6 ribu orang)**, mencecah jumlah sebanyak **16.46 juta orang** (November 2023: 16.43 juta orang). Dari segi data pelarasan bermusim, bilangan penduduk bekerja naik sebanyak 0.2 peratus. Tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 2.0 peratus (+327.3 ribu orang) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Disember 2022: 16.13 juta orang).

Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama juga dilihat dalam bilangan penduduk bekerja bagi sektor Pembuatan, Pembinaan serta Perlombongan & pengkuarian pada bulan Disember 2023. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pertanian terus menurun pada bulan tersebut.


Pada Disember, **nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **67.8 peratus** seperti pada bulan sebelumnya (November 2023: 67.8%). Perbandingan tahun ke tahun, nisbah tersebut menyaksikan peningkatan sebanyak 0.5 mata peratus berbanding 67.3 peratus yang direkodkan pada Disember 2022 [**Carta 1**].

Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2019 - Disember 2023



Jumlah bilangan pekerja pada Disember 2023 terutamanya adalah terdiri daripada kategori **pekerja**, meliputi **75.2 peratus**. Kategori ini meningkat sebanyak **0.1 peratus (+12.3 ribu orang)** kepada **12.38 juta orang** (November 2023: 12.37 juta orang). Begitu juga, trend menaik turut dilihat dalam kategori **penduduk bekerja sendiri**, yang bertambah sebanyak **0.3 peratus (+9.5 ribu orang)** kepada **3.0 juta orang** (November 2023: 2.99 juta orang). Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil [Carta 2].

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, November 2023 dan Disember 2023




Pada Disember 2023, **bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu** naik kepada **95.8 ribu orang**, dengan pertambahan sebanyak **22.0 peratus (+17.3 ribu orang)** berbanding bulan lalu (November 2023: 78.5 ribu orang). Peningkatan ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh cuti hujung tahun, di mana kebanyakan orang mengambil cuti yang panjang. Bagi perbandingan tahun ke tahun, bilangan tersebut meningkat sebanyak 4.6 peratus (+4.2 ribu orang) berbanding Disember 2022 (91.6 ribu orang). Kumpulan ini, yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja, tidak diklasifikasikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

3 Kadar pengangguran pada Disember kekal pada 3.3 peratus

Bilangan **penganggur** pada Disember 2023 terus berkurang, mencatatkan penurunan bulan ke bulan sebanyak **0.2 peratus (-1.4 ribu orang)** kepada **567.8 ribu orang** daripada 569.2 ribu orang pada bulan lalu. **Kadar pengangguran** pada bulan Disember kekal pada **3.3 peratus** seperti yang direkodkan pada November 2023. Dalam anggaran pelarasan bermusim, bilangan penganggur terus menurun sebanyak 0.3 peratus, dengan kadar pengangguran 3.4 peratus.

Secara tahunan, bilangan penganggur turun sebanyak 5.3 peratus (-31.8 ribu orang) berbanding Disember 2022 (599.6 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran turun sebanyak 0.3 mata peratus daripada 3.6 peratus pada Disember 2022 [**Carta 3**].


Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - Disember 2023



Mengikut kategori pengangguran, **penganggur aktif** atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi **79.9 peratus** daripada jumlah penganggur pada bulan Disember 2023. Kumpulan ini merekodkan penurunan sebanyak **0.2 peratus (-0.9 ribu orang)** kepada **453.6 ribu orang** (November 2023: 454.5 ribu orang). Daripada jumlah penganggur aktif, mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan** meliputi **61.8 peratus**, manakala mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang melebihi setahun**⁶ merangkumi **6.4 peratus**. Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau **penganggur tidak aktif** mencatatkan penurunan bulan ke bulan sebanyak **0.4 peratus (-0.5 ribu orang)** kepada **114.2 ribu orang** (November 2023: 114.7 ribu orang) [**Carta 4**].


⁶ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment) https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dqreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, November 2023 dan Disember 2023



Pada Disember 2023, kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 24 tahun** kekal pada **10.6 peratus**, dengan **307.2 ribu orang penganggur belia** (November 2023: 10.6%; 308.5 ribu orang). Manakala, kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 30 tahun** turun sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **6.4 peratus**, mencatatkan **432.1 ribu orang penganggur belia** (November 2023: 6.5%; 432.0 ribu orang) [Carta 5].

Carta 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - Disember 2023




4 KPTB meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.2 peratus pada Disember 2023

Bilangan **tenaga buruh** semakin meningkat pada Disember 2023, dengan pertambahan sebanyak **0.1 peratus (+25.1 ribu orang)** mencatatkan **17.03 juta orang** pada (November 2023: 17.0 juta orang). Oleh itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada **70.2 peratus**. Dari segi terma pelarasan musim, bilangan tenaga buruh naik sebanyak 0.1 peratus, merekodkan KPTB 70.1 peratus.

Berbanding dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh bertambah sebanyak 1.8 peratus atau bersamaan dengan 295.5 ribu orang (Disember 2022: 16.73 juta orang). Dari segi kadar, KPTB naik sebanyak 0.4 mata peratus berbanding Disember 2022 (69.8%) [Carta 6].


Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2022 dan Januari 2021 - Disember 2023



Dari segi tenaga buruh mengikut jantina, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan terus meningkat pada bulan tersebut masing-masing merekodkan sebanyak 10.41 juta orang (November 2023: 10.40 juta orang) dan 6.61 juta orang (November 2023: 6.60 juta orang). Oleh itu, kedua-dua KPTB lelaki dan perempuan masing-masing naik sebanyak 0.1 mata peratus mencatatkan 83.0 peratus dan 56.5 peratus.

